

Bab 6 : BRITISH MENGEKSPLOITASI EKONOMI

- 1 Senarai tanaman berikut ditanam di Tanah Melayu

- Cengkih
- Ubi Kayu
- Tebu

Tanaman tersebut dikenali sebagai

- A tanaman baru
 - B tanaman eksport
 - C pertanian pasaran
 - D pertanian dagangan
- 2 Mengapakah tanaman buah pala lebih diutamakan di Pulau Pinang?
- A Kesuburan tanah
 - B Iklim yang sesuai
 - C Harga yang tinggi
 - D Kemudahan pelabuhan
- 3 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran sejenis tanaman.


Tanaman X	
Tahun	Pusat Pengeluaran
1830-an	Seberang Perai
1900	Perak

Tanaman X merujuk kepada

- A tebu
 - B gambir
 - C cengkih
 - D lada hitam
- 4 Mengapakah tanaman tradisional menjadi kurang penting menjelang kurun ke-20?
- A Tiada permintaan
 - B Serangan penyakit
 - C Harga yang tidak stabil
 - D Kekurangan tenaga buruh

-
- 5 Apakah langkah yang diambil oleh British bagi menghadapi kemerosotan tanaman tradisional?
- A Membuka lebih banyak tanah
 - B Memperkenalkan tanaman baru
 - C Menyediakan kemudahan pengangkutan
 - D Menggalakkan penanaman secara kecil-kecilan
- 6 Teh yang dihasilkan di Tanah Melayu bermutu tinggi dan dikenali sebagai
- A Teh Hijau
 - B Teh Ceylon
 - C Teh Melayu
 - D Teh Cameron
- 7 Pihak yang manakah lebih diutamakan bagi mengusahakan pertanian dagangan?
- A Orang Asli
 - B Orang tempatan
 - C Peladang Eropah
 - D Pembesar tempatan
- 8 Apakah faktor-faktor yang membawa perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu?
- I Kejatuhan harga kopi
 - II Perkilangan tempatan
 - III Perkembangan industri kraf
 - IV Perusahaan membuat motokar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 9 Apakah kelebihan sistem torehan ibedem atau system ikan tulang ikan hering?
- A Melambat pembekuan susu getah
 - B Mengurangkan guna tenaga buruh
 - C Meningkatkan pengeluaran susu getah
 - D Menghasilkan susu getah yang berkualiti

- 10 Graf berikut menunjukkan kedudukan harga getah antara tahun 1929 -1933



Mengapakah harga getah mengalami penurunan?

- A Penciptaan getah tiruan
 - B Kemelesetan ekonomi dunia
 - C Kejatuhan pengeluaran kereta
 - D Kemerosotan mutu pengeluaran
- 11 Pernyataan yang manakah benar tentang Rancangan Sekatan Stevenson 1922?
- I Meningkatkan harga getah
 - II Menambahkan pengeluaran
 - III Mendapat sokongan Indonesia
 - IV Disertai oleh negara naungan British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Pernyataan yang manakah benar tentang Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa 1934?
- I Penetapan kuota
 - II Bantahan Thailand
 - III Penambahan pelaburan
 - IV Pengurangan pengeluaran
- A I dan II

- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Senarai berikut merupakan syarikat – syarikat besar Eropah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Guthrie • Sime Darby • Harrisons & Crossfield |
| |

13 Apakah peranan syarikat-syarikat tersebut?

- A Menentukan turun naik harga
- B Membuka ladang-ladang getah
- C Mengedarkan benih-benih getah
- D Memperkenalkan torehan ibedem

14 Maklumat berikut merujuk kepada satu kaedah melombong bijih timah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Longgokan tanah dimasukkan ke aliran air atau palung • Tanah dikacau mengikut aliran air • Tanah akan hanyut meninggalkan bijih timah |
|---|

Apakah kaedah tersebut?

- A melampan
- B mendulang
- C lombong dedah
- D lombong palung

15 Senarai berikut merupakan kaedah perlombongan bijih timah.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Lombong dedah • Pam kelikir • Palung |
|--|

Siapakah yang memperkenalkan kaedah tersebut?

- A Orang Cina

- B Orang India
- C Orang Eropah
- D Orang Melayu

- 16 Jadual berikut menunjukkan peratusan pengeluaran bijih timah oleh pelombong Cina dan pelombong Eropah.

	1910	1920	1928	1930	1937
Pelombong Cina	78 %	64 %	50 %	37 %	32 %
Pelombong Eropah	22 %	36 %	50 %	63 %	68 %

Mengapakah peratusan pengeluaran bijih timah oleh pelombong Eropah semakin meningkat ?

- A Pengenalan kapal korek
 - B Pelombong Cina diganggu kongsi gelap
 - C Penggabungan syarikat-syarikat Eropah
 - D Pelombong Cina kekurangan kawasan perlombongan
- 17 Apakah tujuan utama penubuhan Majlis Timah Antarabangsa pada tahun 1913?
- I Mengurangkan pengeluaran
 - II Menstabilkan harga pasaran
 - III Menyelaraskan pengeluaran
 - IV Menyediakan kuota pengeluaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Antara faktor perkembangan perusahaan bijih timah di Tanah Melayu ialah
- I Penggunaan kapal korek
 - II Kemajuan sistem perhubungan
 - III Perkembangan industri motokar
 - IV Pengenalan Perjanjian Bijih Timah
- A I dan II

- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Hasil hutan dikeluarkan secara tradisional melalui kegiatan

- A meraih
- B meramu
- C menjual
- D memborong

20 Senarai berikut merupakan bahan-bahan yang dihasilkan daripada sejenis tumbuhan.

- Bola golf
- Alatan bedah
- Penebat kabel dasar laut

Bahan-bahan tersebut dihasilkan daripada

- A Rotan
- B Damar
- C Getah perca
- D Getah jelutung

21 Apakah kesan pelaksanaan dasar dwiekonomi British terhadap orang Melayu?

- I Ekonomi tradisional terabai
 - II Mewujudkan jurang ekonomi
 - III Keperluan tenaga buruh yang ramai
 - IV Pengenalan kepada pertanian moden
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan perkembangan ekonomi di

Tanah Melayu?

- I Pelaburan Eropah
- II Pendidikan vernakular
- III Penduduk yang berbilang kaum
- IV Permodenan kampung-kampung tradisional

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Senarai berikut berkenaan dengan penggunaan buruh luar.

- Sistem Kontrak
- Sistem Kangani

Sistem tersebut digunakan untuk

- A Sistem Dwiekonomi
- B Sistem kawalan buruh luar
- C Cara kemasukan buruh luar
- D Pas kebenaran untuk bekerja

24 Pada awal kurun ke-20, tujuan utama jalan raya dibina untuk menghubungkan

- I bandar besar dengan bandar kecil
- II pelabuhan dengan pusat pentadbiran
- III kawasan petempatan dengan bandar
- IV kawasan ekonomi dengan pelabuhan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Senarai berikut merupakan penyakit-penyakit yang merebak di Tanah Melayu.

- Malaria
- Beri-beri

Apakah langkah yang diambil oleh British untuk mengatasi masalah tersebut?

- A Menubuhkan Lembaga Kesihatan

- B Memeriksa taraf kesihatan buruh asing
- C Membina klinik di kawasan perlombongan
- D Menubuhkan Institut Penyelidikan Perubatan

26 Senarai tempat berikut berkaitan dengan kegiatan pertanian.

- Sungai Manik
- Tanjong Karang

Apakah kegiatan yang terdapat di tempat tersebut?

- A kawasan ladang getah
- B pusat pengeluaran kelapa
- C kawasan penanaman padi
- D pusat pengeluaran bijih timah

27 Senarai berikut merupakan bandar-bandar baru di Tanah Melayu.

- Taiping
- Kuala Lumpur
- Ipoh

Apakah faktor utama perkembangan bandar-bandar tersebut?

- A Penanaman getah
- B Perlombongan bijih timah
- C Pusat perdagangan utama
- D Ppengumpulan hasil pertanian

28 Apakah tujuan British memperkenalkan Enakmen Pendaftaran Sekolah 1920?

- A Meneliti buku sekolah Cina
- B Mengawal sekolah-sekolah Cina
- C Mewajibkan pendidikan rendah Cina
- D Menetapkan bahasa pengantar sekolah Cina

29 Apakah kesan pengenalan Undang-undang Buruh 1912 ?

- A Penyeragaman bahasa pengantar
- B Sekolah-sekolah Tamil digabungkan
- C Pertambahan bilangan sekolah Tami
- D Sekolah menengah Tamil diwujudkan

30 Apakah tujuan penubuhan Kolej Melayu Kuala Kangsar ?

- A Melatih guru-guru sekolah Melayu
- B Melahirkan pegawai-pegawai Melayu
- C Menyediakan pendidikan tinggi Melayu
- D Mewujudkan golongan bangsawan Melayu

TINGKATAN 2 BAB 6

No.	Jwp	M/S	No.	Jwp	M/S
1	D	126	16	A	137
2	C	127	17	C	138
3	A	127	18	A	138
4	C	128	19	B	139
5	B	128	20	A	141
6	B	128	21	A	141
7	C	129	22	C	142
8	B	132	23	C	143
9	C	132	24	B	147
10	B	133	25	D	150
11	B	133	26	C	151
12	B	133	27	B	152
13	B	131	28	B	156
14	A	135	29	C	156
15	A	136	30	B	157

